

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN JEFF OOI CHUAN AUN

KAWASAN : JELUTONG

TARIKH : 17 JUN 2015 (RABU)

NO. SOALAN : 18

YB TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah jumlah pelaburan malaysia sebagai pembekal foreign direct investment (FDI) di negara-negara asing semenjak 2008, dan apa pula pulangannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan maklumat terkini daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah nilai pelaburan langsung terkumpul Malaysia di luar negara sehingga akhir tahun 2013 adalah sebanyak RM 418.6 bilion. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 80.6% berbanding jumlah nilai pelaburan langsung terkumpul Malaysia di luar negara sehingga akhir tahun 2008 yang berjumlah sebanyak RM231.8 bilion.

Hasil daripada jumlah pelaburan tersebut, pulangan pendapatan yang diterima dalam tempoh 2008-2013 adalah sebanyak RM236.8 bilion, dengan purata peningkatan sebanyak 5.6% setahun.